

METODE DAKWAH SYEIKH HAMZAH FANSURI DALAM MANUSKRIPT SYAIR DAGANG ADANYA (MSS 3160)

MOHD YUSZAIDY MOHD YUSOFF
Universiti Kebangsaan Malaysia
yuszaidy@ukm.edu.my

MOHD MUHAIMI ABDUL RAHMAN*
Universiti Kebangsaan Malaysia
muhaimiar87@gmail.com

MUAMMAR GHADDAFI HANAFIAH
Universiti Kebangsaan Malaysia
muammar@ukm.edu.my

*Pengarang Perantara

ABSTRAK

Syair Dagang merupakan salah satu syair karya Syeikh Hamzah Fansuri (S.H.F) yang bertemakan dakwah agama Islam dan merupakan syair terpanjang beliau dengan rangkaian 191 bait. Ironinya, ia kurang dikaji secara tuntas kerana melibatkan teks manuskrip Melayu lama bertulisan Jawi. Kajian ini bertujuan melanjutkan kajian terhadapnya dengan menganalisis metode dakwah di sebalik keindahan jalinan ayat dan pemilihan kata-kata dalam bait-baitnya. Kajian ini berbentuk kualitatif deskriptif dan analisis teks. Data diperoleh dari teks manuskrip *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160) yang disimpan di Perpustakaan Negara Malaysia. Setiap bait syair daripadanya ditransliterasi dan diinterpretasi serta dilakukan bacaan rapi ke atasnya sebelum disaring mengikut tema dakwah yang bersesuaian. Analisis kajian dilakukan dengan menerapkan Model Pembujukan Dakwah oleh Nor Raudah Siren (2015) yang merumuskan bahawa metode dakwah Islam berkisar kepada tiga kaedah utama, iaitu pertama; *al-hikmah*, kedua; *al-mawi`izah al-hasannah* dan ketiga; *al-mujadalah*. Hasil kajian menunjukkan antara dua bentuk *al-hikmah* (bijaksana), iaitu “dorongan yang lembut” atau “amaran keras” akan disesuaikan pada asasnya oleh S.H.F kepada setiap sasarnya, manakala dua bentuk *al-mawi`izah al-hasannah* (nasihat pengajaran), iaitu “halus” dan “terus-terang” diaplifikasi kepada sasaran yang bersikap kurang agresif terhadap dakwah beliau. Sementara dua bentuk *al-mujadalah* (perdebatan), iaitu berhujah menggunakan fakta atau rasional hanya dipakai terhadap sasaran yang mencabar kebenaran Islam yang disampaikan. Kesemua kaedah dakwah di atas disesuaikan dengan cermat oleh S.H.F menurut situasi dan kondisi setiap sasaran beliau sebagai penerima *khitab* (wacana) dalam setiap bait. Di sini, kebestarian dan kebijaksanaan S.H.F terserlah dalam metode berdakwah yang diterapkannya dalam karya sastera. Akhirnya, sumbangan kajian dapat mendorong para pencinta sastera Melayu Islam untuk menghasilkan karya sastera yang sentiasa dapat menyuluh fikiran dan jiwa anak bangsa supaya beriman dan bertakwa.

Kata kunci: *Syair Dagang*; manuskrip; metode; Model; Pembujukan Dakwah; Sheikh Hamzah Fansuri;

HAMZAH FANSURI'S PREACHING METHODS IN SYAIR DAGANG ADANYA (MSS 3160) MANUSCRIPT

ABSTRACT

Syair Dagang is one of the poems by Sheikh Hamzah Fansuri (S.H.F) which has the theme of preaching the Islamic religion and is his longest poem with a series of 191 stanzas. The irony is that it has not been studied thoroughly because it involves old Malay manuscript texts in Jawi writing. This study aims to continue the study of it by analyzing the method of preaching behind the beauty of the verses and the choice of words in the verses. This study takes the form of descriptive qualitative and text analysis. Data were obtained from the manuscript text of Syair Dagang Adanya (MSS 3160) which is stored at the Malaysian State Library. Each stanza of the poetry thereof is transliterated and interpreted and carefully read over it before being filtered according to the appropriate preaching theme. The study analysis was carried out by applying the Da'wah Persuasion Model by Nor Raudah Siren (2015) which formulated that the Islamic da'wah method revolves around three main principles, namely first; al-hikmah, second; al-mawi`izah al-hasanah and third; al-mujjadi. The results of the study show that between two forms of al-hikmah (wisdom), namely "gentle encouragement" or "hard warning" will be adapted in principle by S.H.F to each target, while two forms of al-mawi`izah al-hasanah (teaching advice), namely "subtle" and "frank" are applied to targets who behave less aggressively towards his preaching. Meanwhile, the two forms of al-mujjadi (debate), namely arguing using facts or rationally, are only used against targets who challenge the Islamic truth being conveyed. All of the above principles of da'wah were carefully adapted by S.H.F according to the situation and conditions of each of his targets as recipients of the sermon (discourse) in each stanza. Here, S.H.F's excellence and wisdom lie in the preaching methods he applies in his literary works. Finally, the study's contribution can encourage lovers of Malay Islamic literature to produce literary works that can always inspire the minds and souls of the nation's children to have faith and piety.

Keywords: Trade Poetry; manuscript; method; Model; Da'wah Persuasion; Sheikh Hamzah Fansuri;

PENGENALAN

Manuskrip Melayu merupakan satu warisan intelek daripada zaman silam dan telah dimartabatkan sebagai satu warisan dokumen negara. Manuskrip Melayu dihasilkan dengan tulisan tangan oleh para ilmuan dan cendekiawan. Pengarang manuskrip Melayu terdiri daripada sarjana tempatan yang berpengetahuan dan berpendidikan. Menurut Wan Ali Wan Mamat (2002), mereka dianggap benar-benar menerokai sesuatu bidang yang dipelopori. Manuskrip Melayu merakamkan pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Manuskrip seperti *Syair Dagang* karya Hamzah Fansuri kaya dengan mesej dakwah, nasihat dan teladan agar dakwah Islam yang disampaikan dapat difahami dan dihayati dalam kalangan masyarakat. Syair digunakan sebagai alat dakwah untuk menyebarkan agama Islam. Dalam Islam, dakwah merupakan kegiatan untuk menyeru dan meyakinkan orang ramai supaya menerima sesuatu kepercayaan. Secara etimologi, dakwah berasal daripada bahasa Arab, iaitu *da'a-yad'u da'watan* yang bererti memanggil, mendorong, mendoakan kebaikan serta doakan keburukan (Erwan Efendy, Heri Suseno & Nisa Hanun, 2024: 15). Tujuan dakwah adalah untuk menyeru manusia ke arah kebaikan dan mencegah kemungkar. Bagi melicinkan perjalanan dakwah, metode dakwah yang tepat perlu digunakan. Penggunaan metode dakwah yang betul dapat

memudahkan kerja-kerja dakwah dan memudahkan kumpulan sasaran untuk menerima mesej dakwah. Menurut Abdul Munir Ismail (2014), keberkesanan dakwah bergantung kepada metode yang digunakan. Sehubungan itu, metode dakwah yang tepat perlu digunakan bagi menarik minat masyarakat untuk mendekati agama Islam. Kehebatan dakwah Nabi Muhammad SAW tiada tandingannya kerana Islam berkembang dengan pesat ke serata dunia tanpa pertumpahan darah. Oleh sebab itu, metode dakwah sebagaimana yang telah dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW perlu dijadikan panduan kerana baginda SAW adalah *uswah hasanah* sebagaimana dinyatakan dalam ayat 21 *Surah al-Ahzab* yang bermaksud:

Maksudnya: *Sesungguhnya pada rasul Allah (Muhammad) ada ikutan yang baik bagimu, iaitu bagi orang yang mengharapkan (pahala) Allah dan hari kemudian, serta dia yang banyak mengingati Allah.*

(Qur'an, 33: 21)

Demikian juga dalam konteks dakwah Nabi Muhammad SAW, sejarah dakwah baginda SAW memperlihatkan bermacam-macam cara yang ditunjukkan yang adakalanya kelihatan lembut dan adakalanya dapat ditafsirkan sebagai agak tegas (Ab. Aziz Mohd Zin, 2015: 7).

TUJUAN KAJIAN

Kajian dilakukan untuk mengenal pasti dan menganalisis metode dakwah yang digunakan dalam *Syair Dagang* karya Syeikh Hamzah Fansuri. Perspektif ini dapat memberi inspirasi baharu kepada masyarakat yang menghargai tokoh yang berusaha menyampaikan dakwah kepada manusia dan banyak berjasa di alam Melayu sebagai seorang ulama yang berterusan dalam memberi pemahaman Islam kepada umat sezaman dan selepasnya sehingga hari ini. Justeru itu, para da'i, assatizah, pendakwah diperlukan untuk peningkatan kapasiti, penyegaran diri, penguatan kompetensi, perluasan wawasan, penajaman intelektual dan pengayaan keterampilan, keahlian dalam pemanfaatan dalam melaksanakan tugas mulia dakwah komuniti (Suhardin, Tohirin, Ervina & Ahmad Hunen, 2024: 281).

HAMZAH FANSURI DAN KEPENYAIRANNYA

Antara tokoh-tokoh ulama besar yang banyak menyumbang ilmu persuratan Melayu ialah Nuruddin ar-Raniri, Hamzah Fansuri, Shamsuddin al-Samatrani, Abdul Samad al-Falambani, Arshad al-Banjari dan Mohd Ismail Daud (Zurina Abdullah, Farah Nurashidah dan Ahmad Nazeer, 2017: 74). Bagi memaparkan aspek dakwah, tokoh yang menjadi tumpuan dalam penulisan ini ialah Hamzah Fansuri kerana sumbangan beliau dalam kesusasteraan Melayu khususnya melalui karyanya, iaitu *Syair Dagang*.

Sheikh Hamzah Fansuri merupakan seorang sarjana yang dilahirkan di Barus, Aceh. Beliau hidup antara akhir abad ke-16 Masihi hingga awal abad ke-17 Masihi, iaitu ketika zaman pemerintahan Sultan Iskandar Tsani. Sheikh Hamzah Fansuri menjadi pelopor berkembangnya syair di serata tempat dengan munculnya ramai penyair yang hebat. Beliau merupakan penyair Melayu pertama yang mengubah syair-syair bersifat agama. Syair karya Hamzah Fansuri mempunyai ciri-ciri yang tersendiri seperti mempunyai empat perkataan satu baris, 7-12 suku kata, pola rima a-a-a-a dan setiap baris membawa makna kepada setiap rangkap. Syair bahasa Melayu mempunyai beberapa variasi yang bergantung kepada rimanya (Harun Mat Piah, 1997). Sheikh Hamzah Fansuri merupakan orang pertama yang memperkenalkan syair dan puisi empat baris. Menerusi penelitian terhadap manuskrip *Syair Dagang*, didapati Hamzah Fansuri begitu berpandangan jauh dan mempunyai daya fikir yang tinggi (Mohd Muhamimi Abdul Rahman & Salmah Jan, 2023: 3).

Manuskrip *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160) ditulis dalam bentuk tulisan tangan dengan huruf Jawi pada Hari Khamis, iaitu pada waktu malam Jumaat ketika bulan mengambang (Halaman 1 Rangkap 4). Manuskrip ini telah dibeli oleh Haji Wan Mohd Shaghir pada 24 Jun 2002 dalam keadaan yang baik dan lengkap. Manuskrip ini tersimpan di Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan boleh didapati untuk tujuan rujukan dengan nombor MSS 3160 pada jilidan yang bernombor [10] ff. Saiz ukuran bagi manuskrip *Syair Dagang Adanya* ialah 24 x 17 cm, iaitu mempunyai 18 halaman dan 191 rangkap dengan 14 hingga 22 baris bagi setiap rangkap (Mohd Muhammi Abdul Rahman dan Salmah Jan, 2022: 59).

Pengarang manuskrip menggunakan kertas LAID Eropah yang berwarna putih kekuningan bertompokkan kesan terkena air dan mempunyai tera air berbentuk bulan sabit berprofil manusia di dalam perisai. Kertas yang digunakan juga mempunyai kuras, iaitu helaian yang digunakan dalam pencetakan buku dan berlipat-lipat serta dikerat menjadi beberapa muka) yang berceraian tanpa kulit. Setiap helaianya pula mempunyai dua kolumn dengan susunan jenis tulisan yang kemas dan konsisten (Mohd Muhammi Abdul Rahman dan Salmah Jan, 2019: 1106-1107).

Manuskrip tidak dicatatkan maklumat tentang pengarang atau penulis. Namun begitu, pengarang menyatakan tentang masa, peralatan, suasana dan saat-saat manuskrip dikarang. Ini dapat dilihat pada rangkap awal seperti yang berikut:

Dengarlah encik permulaan khabar,
Asalnya kalam daripadanya akar,
Asal dakwat daripadanya damar,
Hamba mengarang baharu belajar. (Rangkap 2)

Adapun konon suatu hari,
Duduk termenung seorang diri,
Di dalam kalbu terlalu dengari,
Mengenangkan nasib badan sendiri. (Rangkap 3)

Malam Jumaat bulan pun menerang,
Masygulnya Dagang bukan sebarang,
Pada masa itu syair terkarang,
Jam berbunyi berderang-derang. (Rangkap 4)

Pengarang merupakan seorang pedagang yang merantau ke negeri orang dan tinggal berjauhan dengan sanak saudaranya di kampung halaman. Kehidupannya tidak menentu dan penuh cabaran. Ini digambarkan menerusi rangkap seperti yang berikut:

[K](g)undah-[k](g)ulana bukan sebarang,
Dari dahulu sampai sekarang,
Kerana tinggal di negeri orang,
Sanak saudara temu jarang. (Rangkap 7)

Persoalan yang cuba diketengahkan ialah berkaitan dengan pemikiran pengarang, iaitu Sheikh Hamzah Fansuri tentang pengembaraan seorang lelaki yang diriwayatkan sebagai dagang yang merantau keluar dari kampung halamannya. Dagang merupakan seorang lelaki miskin yang hidup dalam serba kekurangan (Mohd Muhammi Abdul Rahman & Salmah Jan, 2019: 100). Dalam pengembalaannya, dagang telah menempuh pelbagai peristiwa dan menemui pelbagai

kelompok masyarakat yang boleh dijadikan sebagai pengajaran dan juga teladan sebagai wasilah dakwah.

KAJIAN LEPAS

Terdapat beberapa kajian terdahulu yang memperkatakan tentang metode dakwah dalam karya kesusasteraan. Kajian Siti Ruqayyah (2021) melihat kelomongan yang ada menerusi tesisnya *Pesan Dakwah dalam Lirik Lagu “Ampuni Dosaku” Karya Inka Christie*. Kajian bertujuan untuk meneliti pesan dakwah yang terdapat dalam lirik lagu “Ampuni Dosaku” karya Inka Christie. Kajian menggunakan kaedah kualitatif dan dianalisis secara semiotik. Teknik pengumpulan data yang digunakan pula berupa dokumentasi dan observasi. Dapatkan mendapati bahawa lirik lagu ini mengetengahkan intipati tentang perlunya manusia berprasangka baik kepada Allah SWT walaupun apa yang berlaku. Tulisan ini signifikan dengan kajian yang akan dilakukan kerana turut memperkatakan tentang tiga metode dakwah berdasarkan al-Quran (Surah *al-Nahl*, 16:125), iaitu *al-hikmah*, *al-mawizah al-hasannah* dan *al-mujadalah*. Kajian ini berbeza dengan kajian yang akan dilakukan. Kajian terdahulu menggunakan bahan kajian berdasarkan lirik lagu manakala kajian yang akan dilakukan ini menggunakan bahan yang berupa manuskrip Melayu lama, iaitu *Syair Dagang*.

Seterusnya, kajian dilakukan oleh Rizki Ramadhan Nasution (2020) dengan tajuk tesis *Metode Komunikasi Dakwah dalam Bimbingan Rohani Islam Bank Syariah Mandiri untuk Peningkatan Produktivitas Perusahaan*. Kajian bertujuan untuk meneliti kesan aktiviti bimbingan rohani Islam yang digunakan oleh Bank Syariah Mandiri dalam menyampaikan dakwah Islam. Kajian menggunakan kaedah kualitatif dan kajian lapangan. Teknik pengumpulan data yang digunakan pula berupa dokumentasi dan observasi. Dapatkan mendapati bahawa fungsi metode komunikasi dakwah melalui bimbingan rohani Islam di Bank Syariah Mandiri bertujuan untuk peningkatan produktiviti dengan menerapkan sistem syariah berkaitan hukum ajaran agama Islam. Tulisan ini signifikan dengan kajian yang akan dilakukan kerana turut menggunakan metode dakwah berpandukan ayat al-Quran, iaitu surah *al-Nahl* (16:125). Selain itu, tulisan ini turut menjelaskan tiga pendekatan asas dakwah secara umum, iaitu *al-hikmah*, *al-mawizah al-hasannah* dan *al-mujadalah*. Namun begitu, tulisan ini berbeza dengan kajian yang akan dilakukan kerana hanya menggunakan satu kaedah dakwah sahaja sebagai analisis, iaitu *al-hikmah*. Sebaliknya, kajian yang akan dilakukan akan melibatkan kesemua tiga metode dakwah yang terdapat dalam surah *al-Nahl* (16:125), iaitu *al-hikmah*, *al-mawizah al-hasannah* dan *al-mujadalah*. Ketiga-tiga pendekatan dakwah akan dijadikan asas untuk menganalisis aspek dakwah dalam manuskrip *Syair Dagang*.

Kajian pernah dilakukan oleh Endang Novita (2020) dengan tajuk tesis *Konten Dakwah Ustaz Abdul Somad di Media Youtube dalam Membentuk Akhlakul Karimah Terhadap Generasi Milenial*. Kajian bertujuan untuk mengetahui bagaimana pengisian dakwah *Youtube* Ustaz Abdul Somad dapat membentuk akhlak terhadap generasi milenial. Video dakwah ustaz Abdul Somad menerusi *Youtube* telah ditonton dan subscriber seramai 1.36 juta orang. Dapatkan kajian mendapati bahawa pengisian dakwah Ustaz Abdul Somad dengan tema menjaga kehormatan dan harga diri di media *Youtube* memberikan kesan yang positif, khususnya informasi agama Islam. Tulisan ini signifikan dengan kajian yang akan dilakukan kerana turut menerangkan serba sedikit tentang metode dakwah, iaitu *al-hikmah*, *al-mawizah al-hasannah* dan *al-mujadalah*. Tulisan ini berbeza dengan kajian yang akan dilakukan.

Seterusnya, kajian pernah dilakukan oleh Ana Meriyana (2020) menerusi tesis bertajuk *Retorika Dakwah Ustaz Muh. Nur Maulana dalam “Islam itu Indah” di Trans Tv*. Kajian bertujuan untuk mengetahui retorik dakwah yang disampaikan oleh pendakwah Ustaz Muh. Kajian menggunakan kaedah kualitatif, penelitian deskriptif dan pengumpulan data kaedah dokumentasi. Dapatkan kajian mendapati bahawa Ustad Muh. Nur Maulana menggunakan; (1) Empat gaya bahasa (gaya pilihan kata, gaya nada, struktur kalimat, langsung tanpa makna); (2)

Gaya suara (pitch, loudness, rate, rhythm, jeda, pause); (3) Gaya tubuh (tegap, mainkan mata semua arah, gerakan tangan); (4) Dakwah yang lucu, jenaka, senyum; (5) Menggunakan kata kalimat “Jama’ah oh jama’ah, Alhamdulillah”. Tulisan ini signifikan dengan kajian yang akan dilakukan kerana kaedah dakwah yang diketengahkan termasuk antara dua metode dakwah yang akan digunakan, iaitu *al-hikmah* (bijaksana) dan *al-mawizah al-hasannah* (berkata baik). Kajian yang akan dilakukan adalah berbeza dengan tulisan ini kerana melibatkan kesemua ketiga-tiga asas metode dakwah, iaitu *al-hikmah* (bijaksana) dan *al-mawizah al-hasannah* (berkata baik) dan *al-mujadalah*.

Wan Sofiah dan Zulkefli Aini (2019) menerusi artikelnya bertajuk *Retorik Dakwah Al-Hikmah Menerusi Kaedah Lembut dalam Novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* (TKDW) karya Hamka telah menggunakan kaedah dakwah *al-hikmah* untuk mengkaji retorik yang terdapat dalam novel TKDW. Kaedah kuantitatif telah digunakan berdasarkan bentuk analisis kandungan daripada buku-buku, artikel dan kajian ilmiah. Kajian memfokuskan satu metode dakwah sahaja, iaitu *al-hikmah* dari aspek bahasa penulisan yang terdapat dalam novel TKDW. Metode dakwah secara *al-hikmah* merupakan cara yang paling utama dianjurkan dalam Islam berdasarkan surah *al-Nahl* (16:125). Namun begitu, pendekatan ini masih kurang digunakan oleh pendakwah. Penelitian telah dibuat berdasarkan perkataan-perkataan *al-hikmah* berbentuk dorongan seperti “marilah”, “haruslah” dan “lebih baik”. Perkataan berbentuk dorongan telah disebutkan sebanyak lima kali, manakala perkataan berbentuk ganjaran seperti “moga-moga” dan “mudah-mudahan” sebanyak 20 kali. Tulisan ini signifikan dengan kajian yang akan dilakukan kerana turut menggunakan metode dakwah yang terdapat dalam al-Quran (surah *al-Nahl*, 16:125). Tulisan ini hanya menggunakan satu metode dakwah sahaja, iaitu *al-hikmah*. Sebaliknya, kajian yang akan dilakukan menggunakan kesemua metode dakwah, iaitu *al-hikmah*, *al-mawizah hasannah* dan *al-mujadalah*.

Berikutnya, Masitah Esa, Amini & Siti Suhaila (2017) dengan artikel bertajuk *Metodologi Dakwah Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim) kepada Masyarakat: Satu Tinjauan Awal* telah mengetengahkan tentang metodologi dakwah berpandukan kepada *al-Quran* dan hadis. Kajian mengetengahkan dua konsep dakwah yang dilakukan Yadim, iaitu kaedah tarbiah dan kaedah media. Kaedah tarbiah meliputi program-program yang dilaksanakan Yadim, manakala kaedah media melibatkan penyebaran risalah-risalah, penulisan majalah, artikel dan sebagainya. Kedua-dua kaedah dibuat berdasarkan asas dakwah Islam, iaitu *al-hikmah*, *al-mawizah hasannah* dan *al-mujadalah*. Tulisan ini signifikan dengan kajian yang akan dilakukan kerana turut mengetengahkan tentang tiga pendekatan dakwah yang terdapat dalam al-Quran (surah *al-Nahl* 16:125), iaitu *al-hikmah*, *al-mawizah hasannah* dan *al-mujadalah*. Metode dakwah yang dikemukakan akan dijadikan asas dan panduan untuk diteliti dalam manuskrip *Syair Dagang*. Tulisan ini berbeza dengan kajian yang akan dilakukan kerana hanya menyatakan secara umum sahaja tentang metode dakwah. Sebaliknya, kajian yang akan dilakukan melibatkan analisis metode dakwah dalam manuskrip *Syair Dagang* secara mendalam.

METODOLOGI

Kajian ini berbentuk kualitatif deskriptif dan analisis teks. Teks manuskrip *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160) yang tersimpan di Perpustakaan Negara Malaysia akan ditransliterasikan daripada Jawi ke Rumi. Data deskritif akan disaring menurut tema-tema yang disesuaikan. Data dianalisis dengan menggunakan pendekatan kandungan berdasarkan Model Pembujukan Dakwah oleh Nor Raudah Siren (2015). Nor Raudah Siren merupakan seorang pensyarah di Universiti Malaya yang kini berkhidmat sebagai pensyarah kanan di Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajaran Islam. Bidang pengajaran beliau ialah media dakwah dan penulisan.


Model ini dipilih kerana belum ada pengkaji yang menggunakan tiga metod asas dakwah, iaitu *al-Hikmah*, *al-Mawizah al-Hasanah* dan *al-Mujadalah* secara mendasar terhadap mana-mana teks kajian manuskrip Melayu lama. Model ini berfungsi mengklasifikasi bentuk dakwah Syeikh Hamzah Fansuri berdasarkan stilistik yang digunakan oleh beliau sebagai pengarang dalam rangkap-rangkap syairnya. Model ini berupaya menjadi kerangka penting dalam menjelaskan metode dakwah yang diaplikasi oleh Syeikh Hamzah Fansuri berdasarkan ciri-ciri yang dijelaskan bagi setiap kaedah. Model ini sebenarnya diinspirasikan daripada penelitian secara holistik ke atas kaedah-kaedah dakwah yang terdapat dalam al-Quran. Pada dasarnya model ini merujuk kepada surah *al-Nahl* (16:125) yang bermaksud:

Maksudnya: *Serulah (wahai Muhammad SAW) kepada jalan TuhanMu dengan berhikmah dan nasihat pengajaran yang baik serta berhujahlah kepada mereka dengan perilaku yang baik.*

(Qur'an, 16: 125)

Berdasarkan ayat di atas, terdapat tiga metod dakwah yang diterapkan oleh nabi Muhammad SAW, iaitu *al-hikmah* (hikmah atau bijaksana), *al-mawi'izah al-hasannah* (nasihat yang baik) dan *al-mujadalah* (berhujah atau berdebat). Ayat ini diturunkan Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW sebagai asas untuk melakukan usaha dakwah. Usaha dakwah ini menjadi ikutan dan teladan para sahabat dan pendakwah sehingga kini dan merupakan dakwah terbaik sapanjang zaman.

RAJAH 1: Model Pembujukan Dakwah oleh Nor Raudah Siren (2015)




Model pembujukan dakwah ini digunakan kerana mampu mengenal pasti penyakit dan mengetahui kaedah dakwah yang sesuai digunakan dalam kalangan sasaran. Pembujukan bermaksud pemujukan atau perbuatan yang melibatkan hal-hal memujuk (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2014). Fungsi pemujukan mula mendapat perhatian para pengkaji komunikasi selepas berlakunya Perang Dunia Pertama, iaitu apabila pihak tentera Jerman menggunakan komunikasi sebagai propagandanya. Rentetan itu, ramai pengkaji komunikasi mula bermintat mengkaji cara menggunakan komunikasi bagi tujuan mengubah sikap dan tingkah laku seseorang. Bulatan tengah mewakili pembujukan secara mutlak, iaitu kekuatan dan keutamaan dalam usaha menyampaikan dakwah melalui ketiga-tiga kaedah pembujukan dakwah, iaitu membujuk secara lembut, halus dan mementingkan kebenaran rasional dalam perbincangan tentang Islam. Namun begitu, apabila pendakwah berhadapan dengan sasaran yang degil dan keras hati, bulatan luar akan digunakan, iaitu keras, terus-terang dan emotif. Kaedah pada

bulatan luar memerlukan kebijaksanaan penyampainya. Oleh itu, konsep pembujukan dakwah dilaksanakan berdasarkan kepada tiga kaedah dakwah yang berkesan, iaitu *al-hikmah*, *al-mawizah al-hasannah* dan *al-mujadalah*. Berdasarkan model ini, seseorang pengkaji boleh memilih untuk menggunakan salah satu daripada tiga kaedah dakwah yang dikemukakan. Pengkaji juga bebas menggunakan teks kajian yang dikehendaki, sama ada teks ucapan pemimpin, surah-surah al-Quran, teks manuskrip Melayu dan sebagainya.

Berdasarkan Model Pembujukan Dakwah oleh Nor Raudah Siren, penyusunan telah dilakukan untuk memudahkan penelitian dan diaplikasikan dalam kajian ini. Selain itu, penyusunan yang telah dilakukan mampu memudahkan pemahaman, proses mengingat, merancang dan menyusun perkataan-perkataan dakwah yang terdapat dalam manuskrip yang dikaji, iaitu *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160). Rajah berkaitan model ini telah dirangka seperti yang berikut:

RAJAH 2: Kaedah Dakwah



Berdasarkan rajah di atas, kaedah dakwah telah disusun supaya analisis teks manuskrip yang dikaji dapat dilakukan dengan lebih mudah dan sistematik. Elemen-elemen yang terdapat dalam rajah di atas masih dikekalkan sebagaimana terdapat dalam Model Pembujukan Dakwah oleh Nor Raudah Siren. Contohnya, *al-hikmah* (lembut, keras), *al-mawizah al-hasannah* (kiasan, penceritaan) dan *al-mujadalah* (*al-aqli* dan *al-naqli*). Kaedah *al-hikmah* secara lembut melibatkan penggunaan perkataan dorongan seperti “ayuhai” dan “dengarlah” atau “dengarkan”. Kaedah *al-hikmah* secara keras pula melibatkan penggunaan perkataan larangan seperti “jangan”, “tidak” dan “bukan”. Kaedah *al-mawizah al-hasannah* secara halus pula melibatkan penggunaan perkataan kiasan seperti “umpama”, “laksana”, “macam”, “ibarat” dan “seperti”. Kaedah *al-mawizah al-hasannah* secara terus-terang pula melibatkan penggunaan perkataan penceritaan seperti “diceritakan”, “jikalau”, “kisah”, “khabarkan” dan “demikian”. Bagi kaedah *al-mujadalah* pula melibatkan dalil *aqli* yang rasional yang melibatkan akal fikiran seperti sains, manakala dalil *naqli* melibatkan sumber fakta daripada al-Quran dan sunah.

ANALISIS KAEDAH DAKWAH SHEIKH HAMZAH FANSURI

Perbincangan mengenai kaerah dakwah yang dipakai oleh Sheikh Hamzah Fansuri dalam *Syair Dagangnya* dapat dilakukan dengan membahagikan analisis kepada tiga kaerah yang disyorkan dalam Model Pembujukan Dakwah.

AL-HIKMAH


Dakwah *al-hikmah* merupakan salah satu kaerah dakwah yang penting dalam mengembangkan syiar Islam. Perkataan *al-hikmah* berasal daripada perkataan dasar “hakama” yang bermaksud memutuskan ketetapan. Perkataan “hikmah” boleh didefinisikan sebagai kebijaksanaan daripada Allah SWT. Perkataan “hikmah” merujuk kepada rahsia, kelebihan atau tujuan sebenar di sebalik sesuatu perkara. Oleh itu, seseorang pendakwah perlu menggunakan kebijaksanaannya untuk membuka minda serta pemikiran orang yang didakwahinya (Mohd Muhammi Abdul Rahman dan Salmah Jan, 2020: 172). Baginda Nabi Muhammad SAW bersabda, berbicaralah dengan manusia menurut akal dan fikirannya. Menerusi pengucapan syair secara lisan, lalu terukirlah akal budi Melayu melalui aktiviti seluruh kehidupan tradisional. Menurut Mega Cynthia (2020: 109), begitu juga dengan penggunaan gaya bahasa dalam syair lagu dapat membuat pesan menjadi menarik dan mudah untuk diterima *mad'u*. Kesannya, komunikasi yang efektif dapat diwujudkan.

Berdasarkan penelitian ke atas seluruh teks *Syair Dagang* didapati kaerah *al-hikmah* wujud dalam dua uslub, iaitu hikmah yang lembut dan hikmah yang keras. Hikmah yang lembut ialah kaerah dakwah yang mampu meredakan jiwa manusia secara bijaksana dalam menggambarkan agama Allah dan menyebarkan akidah tauhid yang benar. Hikmah yang keras pula ialah tindakan dakwah yang dilakukan bagi membujuk khalayak yang ingkar dan melampaui batas agar kembali ke jalan yang benar.

(a) Secara lembut

Kaerah dakwah pembujukan secara *al-hikmah* terbahagi kepada dua elemen, iaitu lembut dan keras. Lembut menggambarkan kerendahan jiwa manusia yang bijaksana dalam memperkenalkan dan menyebarkan syiar Islam. Hal ini boleh dilihat pada rajah seperti yang berikut:

Rajah 3: Model pembujukan *al-hikmah* secara lembut



Kaerah dakwah secara lembut dalam membujuk sasaran dakwah terdiri daripada dua aspek, iaitu ajakan dan galakan. Ajakan berasal daripada perkataan “ajak” merujuk kepada mengajak, menjemput dan mempelawa seseorang supaya turut pergi dan datang ke sesuatu tempat (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2014). Ajakan bermaksud pelawaan atau jemputan untuk turut serta melakukan sesuatu (pergi atau datang ke sesuatu tempat), saranan sama ada berupa cabaran atau jemputan. Kaerah lembut juga dilakukan dengan menggunakan kaerah galakan, dorongan dan harapan. Galakan boleh merangsang sasaran dakwah untuk menerima dan berpegang teguh dengan kebenaran. Wan Hussain Azmi (1984) telah mendefinisikan kata-kata yang baik sebagai kata-kata yang disampaikan dengan lemah-lembut sehingga meresap ke jiwa dengan

lembut, memberi petunjuk kepada hati yang sesat sehingga dapat dijinakkan. Proses penyampaian nasihat dilakukan dengan penuh berhemah supaya maklumat dakwah yang disampaikan dapat difahami akan tujuannya. Menurut Ab Aziz Mohd Zin (2001), nasihat boleh dilakukan secara halus, lembut, tenang, menyegarkan hati dan menjauhkan perkataan yang boleh menyinggung perasaan. Nasihat yang tidak berhemah atau kasar akan memberikan kesan yang negatif kepada pendakwah serta agama Islam.

Kaedah dakwah *al-hikmah* secara lembut menurut Model Pembujukan Dakwah oleh Nor Raudah Siren melibatkan aspek ajakan dan dorongan. Antara alat-alat analisis kaedah dakwah *al-hikmah* secara lembut dalam manuskrip ini adalah melibatkan penggunaan perkataan-perkataan ajakan yang lembut, seperti “ayuhai”, “dengarlah” atau “dengarkan” (Mohd Muhammi Abdul Rahman, Salmah Jan, Kamariah & Rozita, 2021: 35). Perkataan ini digunakan untuk memanggil orang, menyatakan rasa duka dan memberikan peringatan kepada sasaran. Perkataan ajakan “dengarlah” dan “dengarkan” telah disebut sebanyak sembilan kali dan boleh ditemui pada rangkap 2, 14, 18, 22, 27, 35, 61 dan 104. Contoh penggunaan perkataan ini boleh dilihat pada rangkap syair seperti yang berikut:

Dengarkan tuan suatu madah,
Dikarang fakir di dalam [k](g)undah,
Sungguhpun karangan tiada indah,
Dibuat fakir di hati [k](g)undah. (Rangkap 14)

Maka dikarang dengan reka,
Dengarkan juga adik dan kakak,
Dengan kehendak Tuhan yang baqa,
Jikalau hendak tuan bermiaga. (Rangkap 18)

Perkataan ajakan “dengarkan” turut digunakan oleh Sheikh Hamzah Fansuri dalam syairnya sebagai dakwah *al-hikmah* secara lembut supaya sasaran memberikan perhatian sebaiknya dengan apa yang disampaikan dalam syair. Perkataan ajakan “dengarkan” boleh disamakan dengan perkataan “dengar akan” yang bermaksud mendengar akan sesuatu. Penggunaan perkataan yang lembut memberikan gambaran awal akan keperibadian Sheikh Hamzah Fansuri yang sangat mementingkan kesopanan dan kesusilaan, terutamanya ketika bertutur atau berkomunikasi. Kaedah dakwah *al-hikmah* secara lembut yang menggunakan perkataan ajakan “dengarkan” telah disusuli dengan gelaran bagi sasaran dakwah, iaitu tuan yang merujuk kepada panggilan bagi lelaki yang lebih tinggi pangkatnya, lebih kaya atau mereka yang dihormati. Selain itu, perkataan ajakan “dengarkan” turut digunakan sebagai dakwah *al-hikmah* secara lembut kepada sasaran dalam kalangan wanita dewasa dan saudara kandung yang lebih muda sama ada lelaki atau perempuan. Hal ini dapat dilihat apabila Sheikh Hamzah Fansuri menggunakan perkataan adik dan kakak yang merujuk kepada sasaran dakwahnya.

Seterusnya, perkataan ajakan “ayuhai” pula boleh ditemui pada rangkap 15, 19, 35, 43, 89, 90, 166 dan 169. Sheikh Hamzah Fansuri telah menggunakan perkataan dakwah “ayuhai” sebagai kata untuk memanggil dan membuat teguran kepada sasaran dakwah. Teguran menggunakan perkataan ajakan “ayuhai” adalah amat sesuai digunakan kerana bertepatan dengan pendekatan dakwah *al-hikmah* secara lembut yang menekankan kata seru yang lembut untuk memanggil seseorang. Perkataan “ayuhai” juga digunakan untuk menggambarkan rasa duka dan kecewa seseorang yang ditujukan kepada sasaran yang terdiri daripada kawan rapat yang telah lama dikenali. Sheikh Hamzah Fansuri telah menggunakan perkataan sahabat untuk merujuk kepada sasaran dakwahnya, iaitu dalam kalangan orang yang dikenali rapat seperti kawan, teman, pengikut atau kenalan. Hal ini boleh dilihat pada rangkap di bawah:


Ayuhai sahabatku encik dan dayang,
Jika tuan mencari orang,
Jangan dipermain jangan dibuang,
Harap ibu bukan kepalang. (Rangkap 19)

Berikutnya, pengarang telah melakukan dakwah dengan menasihati sasaran supaya tidak mempermainkan perasaan seorang ibu kerana hasrat dan harapan seorang ibu begitu tinggi terhadap anaknya untuk melihat mereka bahagia dan berjaya. Pahit perih pengorbanan seorang ibu tiada tolak tandingnya. Seorang ibu sanggup berkurban jiwa dan raga di saat berbadan dua, iaitu ketika mengandungkan seorang anak selama sembilan bulan.

(b) Secara keras

Kaedah dakwah pembujukan *al-hikmah* secara keras dilakukan untuk membujuk khalayak yang ingkar dan berlebih-lebihan supaya kembali ke jalan yang sebenar. Kaedah ini tidak semestinya diiringi dengan tindakan lemah-lembut semata-mata, sebaliknya tindakan secara keras turut diperlukan untuk membetulkan keadaan, terutama keadaan yang mengancam. Hal ini boleh dilihat pada rajah seperti yang berikut:

Rajah 4: Model Pembujukan *al-hikmah* secara keras



Kaedah dakwah pembujukan *al-hikmah* secara keras melibatkan aspek amaran dan arahan. Menurut Abdul Karim Zaydan (2002), perkataan amaran digunakan untuk menimbulkan ketakutan kepada sasaran jika mereka tidak berpegang teguh pada kebenaran. Perkataan amaran ditujukan kepada orang yang beriman supaya tidak mengingkari arahan Allah SWT dan menjauhi perkara mungkar. Amaran yang digunakan mampu memberikan keinsafan kepada sasaran daripada melakukan perkara yang tidak baik dan mampu menggetarkan hati pendengar apabila mendengar. Arahan pula kebiasaannya menuntut sesuatu yang bersifat keharusan atau tekanan. Arahan boleh digunakan sebagai bimbingan, permohonan, tawaran, harapan dan untuk melemahkan orang yang berbicara.

Antara alat-alat analisis kaedah dakwah *al-hikmah* secara keras yang melibatkan penggunaan perkataan-perkataan yang lebih keras seperti “jangan”, “tidak” dan “bukan”. Sheikh Hamzah Fansuri telah menggunakan kata perintah jangan sebagai tegahan tentang pentingnya ciri-ciri yang perlu ada untuk mencari calon isteri. Baginya, calon seorang isteri seharusnya menepati beberapa syarat supaya rumah tangga yang dibina bahagia dan berkekalan. Syarat pertama ialah calon isteri handaklah berasal daripada keturunan orang-orang yang mulia. Kedua, pasangan suami isteri mempunyai sumber kewangan yang baik. Ketiga, calon pasangan haruslah mempunyai budi bahasa yang baik. Ketiga-tiga ciri ini menjadi asas kebahagian rumah tangga. Hal ini boleh dilihat menerusi rangkap seperti yang berikut:

Pertama-tama orang berbagsa,
Kedua ada ribu dan lakska,
Ketika mukmin majlis perkasa,

Amanatnya ada budi dan bahasa. (Rangkap 33)

Jikalau tiada salah suatu,
Saudara **jangan** menaruh nafsu,
Sahabat tiada mau Bersatu,
Duduk berdua seperti hantu. (Rangkap 34)

Sheikh Hamzah Fansuri telah menggunakan kaedah dakwah *al-hikmah* secara keras, iaitu dengan menggunakan perintah “jangan” yang berfungsi sebagai kata larangan atau ungkapan melarang sasaran supaya tidak mencuba-cuba bercinta sekiranya tidak mempunyai salah satu ciri yang dinyatakan. Ciri-ciri yang dinyatakan sangat penting supaya kebahagian dapat dikecapi. Pengarang telah memberikan analogi yang begitu jelas bagai “Duduk berdua seperti hantu” untuk menggambarkan rumah tangga yang tidak bahagia dan porak-peranda.

Secara keseluruhannya, berdasarkan perbincangan dua bentuk *al-hikmah* di atas, dapatlah disimpulkan bahawa kaedah dakwah *al-hikmah* secara lembut menurut Model Pembujukan Dakwah oleh Nor Raudah Siren melibatkan perkataan ajakan “dengarlah” yang berfungsi sebagai ajakan pujukan lembut kepada sasaran supaya memberikan perhatian sebaiknya dengan apa yang cuba disampaikan. Perkataan “dengar” atau “mendengar” pula bermaksud keupayaan seseorang menangkap bunyi atau suara dari persekitaran atau sekeliling dengan menggunakan telinga. Partikel *-ah* pula merupakan kata perintah seru atau kata penegas yang digunakan untuk mengajak atau mendesak seseorang melakukan sesuatu. Kata penegas ialah kata yang memberikan penegasan kepada maksud yang dibawa oleh kata atau frasa yang mendampinginya (Asmah Haji Omar, 2015; 131).

Kaedah dakwah *al-hikmah* secara keras menurut Model Pembujukan Dakwah oleh Nor Raudah Siren melibatkan aspek amaran dan arahan. Antara alat-alat analisis kaedah dakwah *al-hikmah* secara keras adalah melibatkan penggunaan perkataan-perkataan seperti “jangan”, “tidak” dan “bukan”. Dalam larangan terdapat konsep perintah dan penafian. Menurut Alfiyani dan Asep Purwo (2020: 130), melarang adalah memerintahkan supaya tidak melakukan sesuatu yang tidak membolehkan berbuat sesuatu. Baginya, tindak tutur melarang adalah tindak tutur yang disampaikan oleh penutur untuk mencegah mitra tutur melakukan sesuatu. Menurut Asmah Haji Omar (2009), jika dalam bahasa orang Melayu dewasa terdapat larangan halus dan keras, dalam bahasa kanak-kanak terdapat satu jenis larangan sahaja, yakni yang diwujudkan oleh jangan. Baginya, dalam usia $1\frac{1}{2}$ hingga 2 tahun, kata jangan diambil dalam bentuk “ngan” atau “angan”. Sebaliknya, larangan dalam bahasa orang dewasa dianggap diwujudkan daripada perkataan “tak usah” yang masuk ke dalam bahasa kanak-kanak secara perlahan-lahan. Sheikh Hamzah Fansuri telah berdakwah dengan menggunakan kata perintah jangan sebagai tegahan.

KAEDAH AL-MAWIZAH AL-HASANAH


Kaedah *al-maw'izah al-hasannah* bermaksud memberi pengajaran terbaik yang mendatangkan manfaat kepada semua pihak, mengucapkan kata-kata yang baik dan peringatan yang boleh memberikan kesedaran supaya dapat menghindarkan manusia daripada melakukan keburukan. Nasihat berbentuk pengajaran hendaklah disertai dengan menyebut beberapa peristiwa dan iktibar yang boleh diambil. Seseorang pendakwah perlu memahami bahawa nasihat yang baik bertujuan untuk menjaga kebijakan sasaran, sama ada di dunia atau di akhirat. Kesannya, sasaran dapat memahami kejujuran seseorang pendakwah, sekaligus dapat membuat penilaian bahawa nasihat yang disampaikan banyak memberikan kebaikan berbanding keburukan. Kaedah dakwah nasihat yang baik mampu memberikan hasil yang lebih signifikan berbanding dengan menggunakan kaedah yang lain. Kaedah dakwah nasihat yang baik sesuai digunakan kerana menepati dengan jiwa dan kalbu manusia yang lembut serta luhur. Menurut Sayyid Qutb

(1971), kaedah *al-maw'izah al-hasannah* merupakan kaedah persembahan dakwah yang menarik dilihat dari segi susunan ayat, budi bicara, bahasa yang halus dan boleh menusuk hati pendengar. Oleh itu, kaedah dakwah kaedah *al-maw'izah al-hasannah* hendaklah disampaikan dengan penuh hikmah, bijaksana dan tidak menyinggung perasaan orang yang mendengar. Bagi H. Furqan Ansari (2005), seseorang pendakwah perlu mengelakkan diri daripada membicarakan masalah-masalah yang sedang berlaku dalam kalangan orang ramai seperti kelemahan iman, keruntuhan akhlak, kekurangan amal ibadat dan kemungkar-an-kemungkaran yang sedang bermaharajalela, tetapi hendaklah membicarakan hal-hal kebaikan dan kebaikan yang memberikan manfaat.

(a) Secara halus

Kaedah dakwah pembujukan *al-maw'izah al-hasannah* terbahagi kepada dua elemen, iaitu *al-maw'izah al-hasannah* secara halus dan *al-maw'izah al-hasannah* secara terus-terang. Kaedah dakwah *al-mawizah al-hasannah* secara halus merujuk kepada tiga aspek, iaitu kiasan, penceritaan dan jenaka. Hal ini boleh dilihat pada rajah seperti yang berikut:

Rajah 5: Model pembujukan *al-maw'izah al-hasannah* secara halus



Kaedah dakwah *al-mawizah al-hasannah* melibatkan proses penyampaian nasihat kepada sasaran yang dituju. Menurut Abdul Rauf Shalabi (1981), kaedah berkata baik melibatkan nasihat yang menggunakan kata-kata yang halus atau kiasan, lembut, tenang, melembutkan hati yang sedang marah dan bertujuan untuk kebaikan semata-mata. Kiasan dapat memberikan pemahaman terhadap maklumat yang disampaikan kerana sesuai dengan jiwa manusia. Antara bahasa kiasan yang sering digunakan dalam bahasa Melayu ialah metafora, simili, alusi, personafikasi, sarkasme, hiperbola dan sebagainya. Menurut Ab Aziz Mohd Zin (2001), kaedah kiasan digunakan untuk menjelaskan perkara yang abstrak agar manusia berfikir. Kaedah dakwah *al-maw'izah al-hasannah* secara halus turut melibatkan aspek penceritaan atau pengkisahan tentang sesuatu peristiwa atau kejadian. Kaedah penceritaan mengandungi maklumat atau mesej-mesej tentang larangan, suruhan dan arahan. Kaedah penceritaan bertujuan untuk menarik perhatian dan meningkatkan kefahaman sasaran. Kaedah penceritaan juga berkaitan dengan guruan, jenaka, lawak dan sesuatu yang menggelikan hati. Humor atau jenaka boleh disampaikan dengan pelbagai kaedah, sama ada melalui sindiran, tempelak, kelakar, cerdik, mengusik, perl, berseloroh dan bercerita (Asmah Haji Omar, 1996).

Antara alat-alat analisis kaedah dakwah *al-mawizah al-hasannah* secara halus melibatkan penggunaan perkataan-perkataan kiasan seperti "umpama", "laksana", "macam", "ibarat", "bagai" dan "seperti". Sheikh Hamzah Fansuri menggunakan kaedah dakwah berunsurkan kiasan yang berbunyi "Pandangkan air sentiasa meleleh" yang bermaksud seorang peniaga juga perlu mengambil berat akan kelemahan dan kekurangan yang ada ketika melakukan urusan jual beli. Seseorang peniaga perlu menerima dengan hati yang terbuka sebarang kekurangan dan teguran supaya dapat memperbaiki serta memperbetul segala kekurangan. Hal ini boleh dilihat pada rangkap seperti yang berikut:

Isyarat berniaga hendak dipilih,
Pandangan air sentiasa meleleh,

Jikalau tidak itu ditoleh,
Harta dicari dimanakan boleh. (Rangkap 74)


/Fikir olehmu akan maknanya,
Air yang surut ada pasangnya,
Ingat-ingat akan adanya,
Tiap-tiap mudah ada masalahnya. (Rangkap 75)

Selain itu, dakwah *al-mawizah al-hasannah* secara halus turut ditujukan kepada peniaga tentang ilmu-ilmu dan adat yang perlu ada dalam diri seseorang peniaga sebelum memulakan sesuatu perniagaan. Hal ini kerana berniaga merupakan satu pekerjaan yang sangat mulia di sisi Islam. Penggunaan kiasan berunsurkan alam semulajadi, iaitu air telah digunakan sebagai alat kiasan untuk memberikan gambaran kepada peniaga supaya sentiasa berhati-hati dan berwaspada kerana risiko berniaga melibatkan dua perkara, iaitu sama ada untung atau rugi. Sheikh Hamzah Fansuri turut memberikan nasihat dengan mengetengahkan adat-adat untuk menjadi peniaga yang baik, iaitu sentiasa jujur, amanah dan ikhlas.

(b) Secara terus-terang

Kaedah dakwah pembujukan *al-maw'izah al-hasannah* secara terus-terang boleh digunakan untuk membujuk sasaran. Kaedah ini terdiri daripada dua aspek, iaitu penegasan dan keterangan. Hal ini boleh dilihat pada rajah seperti yang berikut:

RAJAH 6: Model pembujukan *al-maw'izah al-hasannah* secara terus-terang



Penegasan dilakukan untuk menunjukkan bahawa perkara yang disebutkan oleh pendakwah merupakan perkara yang penting dan perlu diambil berat oleh khalayaknya. Penegasan berasal daripada perkataan tegas yang bermaksud kukuh, kuat atau bersungguh-sungguh. Penegasan boleh digunakan dengan ayat penegas. Ayat penegas yang digunakan boleh dilakukan ketika menyampaikan pengumuman, bersifat seimbang, ayat pendek, ayat songsang dan sebagainya. Keterangan pula bermaksud huraian untuk menjelaskan sesuatu, menerangkan sesuatu perkara itu menjadi terang dan jelas, ada bukti dan tanda. Keterangan dalam dakwah mampu mamantapkan lagi nasihat serta teguran yang disampaikan oleh pendakwah.

Antara alat analisis kaedah dakwah *al-mawizah al-hasannah* secara terus-terang adalah melibatkan penggunaan perkataan-perkataan berunsurkan penceritaan seperti "jikalau", "kisah", "khabarakan" dan "demikian". Sheikh Hamzah Fansuri telah menceritakan beberapa panduan atau petua untuk memilih calon isteri. Perkataan "jikalau" telah digunakan sebagai permulaan sebelum menjelaskan dengan lebih terperinci tentang panduan mencari jodoh. Hal ini boleh dilihat pada rangkap seperti yang berikut:

Jikalau anakku mencari isteri,
Amanat perkara hendak dicari,

Supaya rumahku berseri,
Anak buah datang sehari. (Rangkap 32)

Pertama-tama orang berbangsa,
Kedua ada ribu dan latsa,
Ketika mukmin majlis perkasa,
Amanatnya ada budi dan bahasa. (Rangkap 33)

Jikalau tiada salah suatu,
Saudara jangan menaruh nafsu,
Sahabat tiada mau bersatu,
Duduk berdua seperti hantu. (Rangkap 34)

Sheikh Hamzah Fansuri menggunakan perbandingan dan persamaan yang berunsurkan cerita dengan isu moral atau falsafah agar pengisahannya mudah difahami. Panduan pemilihan jodoh yang dikemukakan merupakan satu pesanan dakwah supaya masyarakat yang belum berkahwin atau masih bujang berfikir sebaiknya sebelum mendirikan masjid. Perkahwinan bukanlah perkara yang boleh dipandang remeh kerana pegangan agama menjadi asas kebahagiaan sesebuah rumah tangga. Tanpa pegangan agama, kebahagiaan rumah tangga sukar dikecapi.

Secara keseluruhannya, berdasarkan perbincangan dua bentuk *al-mawizah al-hasannah* di atas, dapatlah disimpulkan bahawa kaedah dakwah *al-mawizah al-hasannah* secara halus menurut Model Pembujukan Dakwah oleh Nor Raudah Siren melibatkan aspek kiasan seperti penggunaan perkataan umpama, laksana, macam, ibarat, bagai dan seperti. Penggunaan aspek kiasan penting supaya dakwah yang dilakukan dapat diterima sasaran tanpa melukakan hati mereka dan mampu membuatkan sasaran berfikir kembali dengan apa yang telah diperkatakan oleh seseorang pendakwah. Kata kiasan boleh digunakan untuk membawa kesan yang negatif dan positif (Asmah Haji Omar, 2015: 158).


Kaedah dakwah *al-mawizah al-hasannah* secara terus-terang menurut Model Pembujukan Dakwah oleh Nor Raudah Siren melibatkan aspek penceritaan. Antara alat analisis kaedah dakwah *al-mawizah al-hasannah* secara terus-terang adalah melibatkan penggunaan perkataan kiasan seperti “diceritakan”, “jikalau”, “kisah”, “khabarkan” dan “demikian”. Namun begitu, pengarang hanya menggunakan perkataan “jikalau” dan “demikian”. Kaedah dakwah *al-mawizah al-hasannah* secara terus-terang meliputi pelbagai situasi dan jalan penceritaan. Dari awal lagi, kisah kehidupan dan pengembalaan dagang dimulakan dengan keadaan yang tidak menentu dan tidak selesa ketika berada di kampung halaman. Menerusi pengenalan dan permulaan syair, Sheikh Hamzah Fansuri begitu menitikberatkan tentang nilai-nilai keagamaan, akhlak dan dakwah dalam penulisannya. Beliau menggunakan perbandingan atau persamaan yang berunsurkan cerita dengan isu moral atau falsafah agar pengisahannya dapat difahami dengan mudah. Unsur pengajaran yang diketengahkan mengandungi nilai-nilai keagamaan turut dijelaskan secara tersirat. Kaedah dakwah *al-mawizah al-hasannah* yang berunsurkan penceritaan melibatkan penggunaan perkataan seperti “jikalau”. Perkataan “jikalau” merupakan kata penghubung yang menyatakan syarat atau janji.

AL-MUJADALAH

Abdul al-Karim Zaydan (1991) mendefinisikan perkataan mujadalah sebagai berdebat atau bertukar fikiran. Mujadalah juga boleh didefinisikan sebagai menggunakan peluang dan kesempatan yang sebaiknya, bijak menyusun kata-kata, berakhlek mulia, merendah diri, bertenang, tidak tergopoh-gapah dan bijak melayan perasaan. Oleh itu, seseorang pendakwah perlu menghindari daripada melakukan perkara-perkara mazmumah seperti mengeluarkan kata-kata yang tidak baik. Berikutnya, Sheikh Abdullah Basmeih (1992) berpendapat bahawa

mujadalah bererti berbahas dengan golongan yang mengingkari perintah dan hukum Allah SWT. Seseorang pendakwah juga perlu menanam keyakinan dalam diri masyarakat atau pendengar tentang kebenaran Islam. Menurut H. Furqan Ansari (2005), pendakwah hendaklah menceritakan kepada mereka tentang kisah-kisah para al-anbia dan para sahabat *Radihiallahuanhu*. Cerita yang diutarakan dapat dijadikan teladan untuk mendepani hari-hari yang mendatang dan mencabar. Menurut Ab. Aziz Mohd Zin (2015), kaedah dakwah berbentuk perbahasan merupakan kaedah dakwah yang agak berat bagi orang Islam melakukannya atas nama agama. Kedua-dua belah pihak akan mengeluarkan hujah untuk mempertahankan pendirian masing-masing. Situasi perdebatan akan kelihatan agak agresif, agak keras dan agak kasar. Oleh itu, kedua-dua pihak perlu mengawal tindakan, adab, emosi dan persekitaran supaya tidak berlaku perkara yang tidak diingini.

RAJAH 7: Model pembujukan dakwah *al-mujadalah* secara pendalilan rasional



Kaedah dakwah *al-mujadalah* pendalilan secara rasional terdiri daripada dua elemen, iaitu pendalilan aqli dan pendalilan naqli. Pendalilan aqli merujuk kepada pembuktian logik berdasarkan akal. Pendalilan naqli pula merujuk kepada pembuktian berdasarkan fakta-fakta sahih seperti al-Quran, hadis, fakta sains, buku, majalah dan sebagainya. Berdasarkan rajah di atas, kaedah *al-mujadalah* merujuk kepada perdebatan, hujahan atau diskusi untuk mencari kebenaran. Kaedah ini menggunakan pelbagai bukti sebagai sumber dalil atau alasan yang paling tepat untuk menarik manusia sehingga menerima seadanya dalil yang diberikan dengan hati yang terbuka. Kaedah ini boleh diklasifikasikan sebagai dialog atau diskusi yang melibatkan pertukaran pendapat dua atau ramai orang. Proses perbahasan melibatkan pelbagai aspek seperti kritikan, hujahan dan justifikasi yang berkaitan isu yang dibahaskan. Perbahasan yang sebenar hendaklah dilakukan berdasarkan dalil atau hujah yang bermatlamatkan untuk mencari kebenaran dan mempertahankan hak. Matlamat utama perbahasan adalah agar sasaran debat mendapat hidayah, iaitu petunjuk Allah SAW kepada orang yang dikehendaki-Nya. Justeru itu, pembuktian perlu dilakukan supaya sasaran dakwah tertarik dan terbuka hati untuk menerima Islam.

(a) Pendalilan al-Aqli

Pendalilan al-aqli melibatkan kesahihan fakta dalam hujahan. Fakta yang dikemukakan memainkan peranan yang penting untuk meyakinkan sasaran. Oleh itu, kekuatan akal seseorang pendakwah sangat penting sebelum berhujah atau memperkatakan sesuatu isu. Bagi memudahkan pemahaman sasaran terhadap sesuatu isu, kaedah pentakrifan akan digunakan dengan memberikan definisi, maksud dan makna perkataan yang digunakan dalam konteks perbahasan. Takrif pula bermaksud kenyataan yang ringkas, padat dan tepat untuk menjelaskan makna atau erti sesuatu perkataan, frasa dan sebagainya. Menurut Awang Sariyan (2004), takrif menerangkan konsep melalui contoh-contoh untuk memahami perkataan abstrak, takrifan kelas pembahagian memberi penerangan makna dengan meletakkan istilah pada kelasnya. Oleh itu, seseorang pendakwah perlu menguasai pengertian dan makna setiap kata yang dilafazkan.

(b) Pendalilan al-Naqli

Pendalilan al-naqli merupakan kaedah yang melibatkan fakta-fakta seperti al-Quran, lisan dan sebagainya. Menurut Md Sidin Ahmad (1999), pendalilan naqli dilakukan melalui fakta-fakta yang sahih dan dipertanggungjawabkan seperti fakta al-Quran dan hadis, fakta sains, fakta daripada buku, majalah dan percakapan pakar. Fakta-fakta yang digunakan pendakwah amat penting dalam menyangkal serta menyanggah hujahan daripada pihak lawan. Seseorang pendakwah wajib menggunakan fakta-fakta berdasarkan al-Quran untuk menjawab persoalan tentang isu-isu yang berkaitan dengan Islam. Menurut Muhammad al-Ghazali (1994), al-Quran adalah asas pendidikan yang bukan sekadar mentarbiah jiwa, bahkan turut mentarbiah mental serta membebaskan akal pemikiran manusia dari warisan kejahilan. Rujukan kedua terpenting dalam Islam ialah hadis dan sunah. Rujukan ini menjadi tunjang pembentukan insan Muslim dalam kehidupan sehari-hari sebagaimana kalimat, saranan atau pesanan daripada Nabi Muhammad SAW supaya berpegang teguh kepada al-Quran dan sunah supaya tidak tersasar daripada jalan yang sebenar. Kaedah dakwah melibatkan pelbagai proses seperti mengajak, merayu, membujuk, menukar pendapat, pemikiran, tingkah laku supaya selari dengan agama Islam.

Secara keseluruhannya, berdasarkan perbincangan dua bentuk *al-mujadalah* di atas, dapatlah disimpulkan bahawa kedua-duanya menjadi landasan untuk membuktikan kebenaran dan menetapkan hukum-hukum yang terdapat dalam *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160) dengan menjadikan rukun iman sebagai alat analisisnya. Hal ini boleh dilihat pada penerangan di bawah:

(a) Beriman kepada Allah SWT

Beriman kepada Allah SWT merupakan rukun iman yang pertama. Beriman kepada Allah SWT ialah yakin dan percaya kepada Allah SWT dengan sepenuh hati bahawa Allah SWT itu adalah pengatur dan pemilik segala sesuatu. Mempercayai adanya Allah SWT dapat dilihat daripada pelbagai aspek, seperti kewujudan bumi, langit, gunung, lautan dan sebagainya. Menurut Mohd Fauzi (2017: 2), almarhum Imam al-Maududi menyatakan, “Allah adalah Pencipta Alam Maya ini dan “Dia juga adalah Pengusa dan Pemutus segala-galanya”. Allah menciptakan segalanya supaya manusia mengkaji serta membongkar segala rahsia yang tersembunyi. Syair ini telah dimulakan dengan perkataan *bismillah* yang bermaksud dengan nama Allah. Penggunaan perkataan *bismillah* memberikan gambaran awal tentang latar belakang pengarang sebagai seorang Muslim yang beragama Islam. Perkataan *bismillah* kebiasaannya dibaca apabila memulakan sesuatu pekerjaan seperti sebelum makan, minum dan sebagainya. Perkataan *bismillah* merujuk kepada perkataan Arab, iaitu *bismillahirrahmanirrahim* yang bermaksud dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha pengasih. Perkataan *bismillah* telah digunakan pada rangkap pertama dan baris pertama. Hal ini boleh dilihat pada rangkap syair seperti yang berikut:

Bismillah itu permulaan kata,
Fakir mengarang suatu cerita,
Siang dan malam duduk bercerita,
Sudah kehendak Tuhan kita. (Rangkap 1)

Penggunaan perkataan *bismillah* oleh Sheikh Hamzah Fansuri memberikan gambaran awal bahawa pengarang merupakan seorang Muslim yang merendah diri, warak, tawaduk dan patuh kepada perintah Allah SWT. Akhlak yang ditunjukkan pengarang selari dengan akhlak pendakwah dan sesuai dijadikan contoh kepada khalayak pembaca. Teknik penulisan dan

penggunaan bahasa menjadi asas kekuatan dan nilai ilmu agama yang ada pada Sheikh Hamzah Fansuri. Ucapan *bismillah* telah memberikan gambaran awal tentang kebergantungan beliau kepada Allah SWT. Selain itu, Sheikh Hamzah Fansuri turut menggunakan perkataan “fakir” sebagai tanda merendah diri. Pengarang digambarkan menulis syair tanpa mengira waktu sama ada siang mahupun malam. Beliau berpendapat bahawa segala perilaku dan apa yang dilakukannya adalah kehendak Allah SWT. Oleh itu, sebagai seorang Muslim, kita perlu yakin dengan ketentuan Allah SWT.

Sheikh Hamzah Fansuri telah menggunakan kalimah *bismillah* atau *bismillahirrahmanirrahim* sebagai kalimah dakwah untuk mendekatkan diri dengan Allah SWT. Kalimah *bismillahirrahmanirrahim* merupakan adab yang menekankan perlunya pembaca menyebut nama Rabbimu Yang Menciptakan. Pengarang telah menggunakan kalimah *bismillah* sebagai kalimah dakwah supaya sasaran dakwah memulakan sesuatu pekerjaan dengan membaca atau menyebut nama Allah SWT. Kalimah *bismillah* menjadi tunjang sebelum memulakan sesuatu urusan dengan niat untuk meminta pertolongan daripadaNya. Allah SWT Maha Perkasa terhadap sesuatu yang berlaku. Oleh itu, setiap perkara yang dilakukan hendaklah dimulai dengan menyebut kalimah *bismillah* supaya keberkatan-Nya tidak terputus. Perkataan *bismillah* merupakan perkataan yang begitu indah dan telah digunakan oleh nabi-nabi terdahulu, sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

Dalil Naqli:

Maksudnya: “*Sesungguhnya surat itu dari Nabi Sulaiman, dan kandungannya (seperti . berikut): Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihi.*”

(Qur'an, 27: 30)

Dalil Aqli:

Surat Nabi Sulaiman a.s. yang dikirimkan kepada Raja Balqis begitu mengagumkan kerana menggunakan gaya bahasa yang tinggi, ringkas, padat dan pengertiannya begitu indah walaupun ayatnya pendek. Para ulama dan ahli agama berpendapat bahawa tiada seorang pun yang menulis “*bismillahirrahmanirrahim*” sebelum Nabi Sulaiman a.s. dalam suratnya.

(b) Beriman kepada Malaikat

Selain beriman kepada Allah SWT, umat Islam wajib percaya akan kewujudan malaikat. Beriman dengan malaikat ialah mempercayai bahawa malaikat itu wujud dan merupakan makhluk ciptaan Allah SWT. Malaikat merupakan makhluk yang dijadikan oleh Allah SWT daripada cahaya atau nur, makhluk halus yang tidak dapat dikesan keadaannya melalui pancaindera, dan merupakan hamba yang sangat patuh dan taat kepada perintah Allah SWT. Malaikat merupakan hamba ciptaan Allah SWT yang dijadikan daripada cahaya yang mulia dan terpelihara daripada maksiat. Malaikat tidak berjantina, tidak bersuami isteri, tidak beribu, tidak berbapa dan tidak beranak. Malaikat juga tidak tidur, tidak makan dan tidak minum sebagaimana manusia. Namun begitu, malaikat mampu mengubah bentuk atau rupa dengan izin dan kehendak Allah SWT. Malaikat juga mempunyai sayap dan mampu terbang dengan laju dan sesuai dengan sifatnya yang dijadikan daripada cahaya. Ciri-ciri malaikat yang dikemukakan adalah bertepatan sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

Dalil Naqli:

Maksudnya: “*Segala puji tertentu bagi Allah SWT yang menciptakan langit dan bumi, yang menjadikan malaikat utusan-utusan yang bersayap: dua, tiga dan empat: ia menambah pada bentuk kejadian makhluk yang diciptakan-Nya apa jua yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.*

(Qur'an, 35: 1)

Dalil Aqli:

Dapatlah disimpulkan bahawa malaikat termasuk alam rohani seperti roh manusia yang tidak dapat dikesan oleh pancaindera manusia. Erti malaikat bersayap bukanlah merujuk bersayap seperti seekor burung, tetapi bersayap sesuai dengan rohaninya. Sesetengah ulama mendefinisikan malaikat bersayap sebagai kekuatan rohani yang dianugerahi Allah SWT kepada malaikat disebabkan kemampuannya terbang ke merata tempat dengan pantas. Oleh sebab malaikat termasuk alam rohani, manusia hendaklah yakin dan percaya sebagaimana yang telah diperkatakan di dalam al-Quran. Semuanya diceritakan oleh Allah SWT Yang Maha Besar dengan perantaraan Nabi Muhammad SAW.

Perkataan “malaikat” telah disebutkan sebanyak dua kali, iaitu pada rangkap 170 dan 172. Pengarang telah menggunakan perkataan “malaikat” sebagai alat dakwah untuk mengajak sasaran dakwah dalam kalangan pembaca untuk mengambil cakna tentang kemurkaan dan kebencian Allah SWT kepada manusia yang tidak mengambil berat tentang aurat dan tidak menjaga etika berpakaian. Pengarang menegaskan bahawa perlakuan tidak menutup aurat boleh diumpamakan seperti menderhakai nasihat-nasihat yang telah diberikan oleh para nabi terdahulu. Malaikat merupakan makhluk yang sangat taat akan perintah Allah SWT. Perilaku tidak menutup aurat akan mengundang kemurkaan malaikat. Segala kemurkaan dan perintah Allah SWT akan dituruti oleh para malaikat. Hal ini boleh dilihat pada rangkap seperti yang berikut:

Telanjang itu sangat jahatnya,
Allah pun murka pada dianya,
Kepada nabi amat derhakanya,
Malaikat sekalian sangat marahnya. (Rangkap 170)

Keempat dosa yang memandang,
Dosanya berakhirnya datang,
Ingatlah tuan pagi dan petang,
Di dalam hadis ada terbentang. (Rangkap 171)

Jika berbasahan tuan nan mandi,
Allah Taala membala budi,
Sebab menutup kemaluan nabi,
Sekalian **malaikat** mendoa nanti. (Rangkap 172)

Selain itu, pengarang turut menggunakan perkataan malaikat sebagai dakwah untuk menyedarkan khalayak akan pembalasan Allah SWT kepada hamba-Nya yang taat akan perintah-Nya. Seseorang yang patuh akan perintah Allah SWT akan sentiasa dirahmati dan didoakan kebaikan oleh para malaikat. Doa para malaikat begitu makbul di sisi Allah SWT. Allah SWT Maha Adil dan akan memberikan pembalasan yang setimpal dengan apa yang dilakukan hamba-Nya. Setiap kebaikan yang dilakukan akan diberikan kerahmatan dan didoakan kebahagiaan oleh malaikat.

Keseluruhannya, penggunaan ketiga-tiga cara pembujukan, iaitu *al-hikmah*, *almawizah al-hasannah* dan *al-mujadalah* merupakan kaedah dakwah yang menekankan penerimaan khalayak. Oleh itu, pelaksanaan dakwah memerlukan kebijaksanaan dan kemahiran para pendakwah untuk memilih kaedah pembujukan dakwah yang terbaik dan sesuai. Hal ini penting supaya dakwah yang disampaikan mampu membuka hati dan mengajak manusia ke jalan Allah SWT.

KESIMPULAN

Syair Dagang berfungsi sebagai alat dakwah untuk menyebarkan Islam. Informasi nilai-nilai murni daripada *Syair Dagang* dapat memberikan kesedaran kepada khalayak. Pembujukan dakwah dalam *Syair Dagang* dapat dikenal pasti dengan menggunakan metode dakwah, iaitu *al-hikmah*, *almawizah al-hasannah* dan *al-mujadalah* yang merupakan metode dakwah terbaik selari dengan al-Quran, surah *al-Nahl* (16:125). Dakwah bertujuan untuk mengajak dan menyeru umat manusia kembali kepada Allah SWT. Usaha dakwah bertepatan dengan “*amar ma’ruf nahi mungkar*” supaya sasaran mendapat kebahagiaan dan kesejahteraan sama ada di dunia mahupun akhirat. *Syair Dagang* berfungsi sebagai wasilah dakwah atau penulisan dakwah yang memberikan penekanan terhadap mesej dakwah dan gaya penyampaian dakwah supaya mesej dakwah yang disampaikan membujuk khalayaknya sama ada dalaman (rohani) dan luaran (jasmani). Semua ini pasti dapat direalisasikan apabila umat manusia dapat membangunkan hubungan baik dengan Allah SWT (habluminallah) dan manusia (habluminannas) sejagat.

Berdasarkan analisis terperinci terhadap metod dakwah Sheikh Hamzah Fansuri dalam *Syair Dagang*, dapat dikatakan bahawa kaedah berdakwah Sheikh Hamzah Fansuri begitu dinamik dan mudah untuk difahami menerusi pelbagai gaya retorik kata-kata dan ayat-ayat bujukan, rayuan, ajakan, nasihat, tegahan dan amaran yang diterapkan dalam *Syair Dagang*. Usaha penyampaian dakwah yang dilakukan menerusi penulisan sangat berjaya mempengaruhi dan mengubah sasarannya di Nusantara. Metod dakwah yang digunakan juga mampu meningkatkan keberkesanan penyampaian mesej dakwah dan mengubah daya fikir atau gagasan baharu yang berfokuskan kepada metod dakwah untuk memanipulasi minda dan perasaan sasaran sama ada secara lembut, keras, halus, terus terang, rasional dan emotif yang selari dengan al-Quran (Surah *al-Nahl*, 125). Penerapan nilai-nilai murni, hukum-hakam dalam Islam, pengajaran dan teladan dalam *Syair Dagang* juga telah membangkitkan lagi naluri ingin tahu dan mampu melembutkan hati sasaran untuk mendekati agama Islam. Ditambah pula dengan persembahan dan gaya bahasa yang begitu gramatis dan tinggi mutunya menjadi pemangkin kepada sasaran untuk menghayati, mendalami, memperhalusi serta mengkaji setiap nukilan pendakwah hebat ini. Sumbangan Sheikh Hamzah Fansuri bukan sahaja terserlah menerusi karya-karya puitisnya, tetapi juga menerusi ilmu dakwahnya melalui penggunaan bahasa Melayu yang baik dalam *Syair Dagang* walaupun pada zaman itu banyak hasil penulisan tidak kurang hebatnya.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Mohd Zin. 2001. *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
Ab. Aziz Mohd Zin. 2015. *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
Abdul Karim Zaydan. 2002. *Islam dan Dakwah (Usul al-Da’wah)* (ter. Ust Solehan bin Ayub). Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.

- Abdul Rauf Sylabi. 1981. *Al-Da'wah al-Islamiyyah fi Ahdiha al-Makki*. Mesir: Al-Fajr al-Jadid.
- A. Hasjmy. 2019. *Ruba'I Hamzah Fansuri Karya Sastera Sufi Abad XVII*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alfiyani & Asep Purwo. 2020. *Analisis Tindak Tutur Direktif Pada Ceramah Ustaz Abdul Somad Edisi Tanya Jawab Kajian Musawarah Bersama Artis Hijrah*. Indonesia: Estetik Jurnal Bahasa Indonesia, vol. 3, no. 2.
- Ana Meriyana. 2020. *Retorika Dakwah Ustad Muh. Nur Maulana dalam "Islamitu. Indah di Trans Tv*. Indonesia: Universiti Islam Negeri Raden Intan Lampung.
- Asmah Haji Omar. 1996. *Wacana Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2009. *Nahu Melayu Mutakhir Edisi Kelima*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. 2004. *Tertib Mengarang: Asas Retorik untuk Pendidik dan Pelajar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Endang Novita. 2020. *Konten Dakwah Ustaz Abdul Somad di Media Youtube dalam Membentuk Akhlakul Karimah Terhadap Generasi Milenial*. Tesis. Indonesia: Universiti Islam Negeri, Raden Intan Lampung.
- Ervin Hartono .2017. "Syair Makrifat dan Syair Dagang: Suntingan Teks dan Analisis Semiotik". Tesis. Indonesia: Falkultas Ilmu Budaya, Universitas Sebelas Maret Surakarta.
- Erwan Efendy, Heri Suseno & Nisa Hanun. 2024. *Dakwah Komtemporer: Pengertian, Sejarah, Metode dan Media untuk Pengembangan Dakwah Kontemporer*. Jurnal of Communication and Islamis Broadcasting. Volume 4 Nomor 1 (2024) 14-22.
- H. Furqan Ansari. 2005. *Pedoman Tabligh*. Selangor: Klang Book Centre (KBC).
- Harun Mat Piah. 1997. *Puisi Melayu Tradisional Satu Pembincaraan Genre dan Fungsi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.Kuala Lumpur.
- Huzaimah Ismail, Norsiah Sulaiman & Nafisiah Abdul Rahman. 2013. *Survival Entrepreneur Muslim Berdasarkan Manuskrip 'Syair Dagang Adanya'*. Seminar Serantau Kajian Manuskrip Melayu dan Kearifan Tempatan.
- Kamus Dewan Perdana*. 2020. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2014. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sayyid Qutub. 1971. *Fi Zilal al-Qur'an*. Jilid 5. Beirut, Lubnan: t.p. Penerbit.
- Sheikh Abdullah Basmeih. 1992. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: BAHEIS, JPM.
- Siti Ruqayyah. 2021. *Pesan Dakwah dalam Lirik Lagu "Ampuni Dosaku" Karya Inka Christie*. Tesis. Indonesia: Universiti Islam Negeri Sunan Ampel.
- Masitah Esa, Amini & Siti Suhaila. 2017. *Metodologi Dakwah Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) kepada Masyarakat: Satu Tinjauan Awal*. Tinta Artikulasi Membina Ummah. 3(2) 26-37.
- Mega Cynthia. 2020. *Pesan Dakwah dan Gaya Bahasa Pada Lirik Lagu "Sebujur Bangkai"* Karya Rhoma Irama. Inteleksia Jurnal Pengembangan Ilmu Dakwah. Volume: 02- No. 01.
- Mohd Muhamaimi Abdul Rahman & Salmah Jan .2023. "Syair Dagang: Sufiesme Hamzah Fansuri". The International Symposium Rentasia 2023. Penerbit: Universiti Teknologi Mara.
- Mohd Muhamaimi Abdul Rahman, Salmah Jan, Kamariah & Rozita. 2021. "Manhaj Al-Hikmah Menerusi Kaedah Lembut dalam Manuskrip Syair Dagang". E-Jurnal IPM. Penerbit: Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

- Mohd Muhammi Abdul Rahman & Salmah Jan. 2020. "Interpretasi Dakwah Berdasarkan Syair Dagang (MSS 3160)". Penerbit: Kaizentrenovation Sdn. Bhd (1167478-D).
- Mohd Muhammi Abdul Rahman & Salmah Jan. 2020. "Morphologikal Analysis in "Syair Dagang" (MSS 3160)". International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 9(5), 1104-1112.
- Mohd Muhammi Abdul Rahman & Salmah Jan. 2019. "Pengalaman Pengembaraan dalam Syair Dagang Adanya (MSS 3160)". Jurnal Filologi Melayu. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).
- Nor Raudah Siren . 2015. *Retorik Penulisan Dakwah*. Penerbit Universiti Malaya.
- Rizki Ramadhan Nasution. 2020. *Metode Komunikasi Dakwah dalam Bimbingan Rohani. Islam Bank Syariah Mandiri untuk Peningkatan Produktivitas Perusahaan*. Tesis. Indonesia: Universitas Islam Negeri (UIN).
- Suhardin, Tohirin, Ervina & Ahmad Hunen. 2024. *Pengembangan Petunjuk Pelaksanaan (Juklak) Binbingan Teknik (Bintek) Da'I untuk Implementasi Dakwah Komunitas Berkemajuan*. Jurnal Inovasi Global Vol. 2, No. 2.
- Wan Hussein Azmi. 1984. "Perkembangan Dakwah Islamiah di Alam Melayu", *Isu Dakwah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Selangor: PDMTT.
- Wan Sofiah & Zulkefli Aini. 2019. *Al-Hikmah Menerusi Kaedah Lembut dalam Novel . Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck Karya Hamka*. Al-QANATAR International . Journal of Islamic Studies. Vol. 13, No.1.
- Zurina Abdullah, Farah Nurashidah & Ahmad Naseer 2017. *Analisis Morfologi dalam Syair Perahu*. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Special Issue (2017).

Biodata Penulis:

Mohd Yuszaidy Mohd Yusof (PhD) pensyarah dan Ketua Program Kebudayaan dan Kesenian Melayu di Pusat Pengajian Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusian, Universiti Kebangsaan Malaysia. Penyelidikan fokus kepada kajian warisan, sosiobudaya dan pemuziuman.

Mohd Muhammi Abdul Rahman (PhD) merupakan pensyarah kontrak Skim GIG di Pusat Kajian Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kajian, kesusastraan Melayu tradisional. Tumpuan penyelidikan adalah kajian manuskrip melayu.

Muammar Ghaddafi Hanafiah (PhD) pensyarah di Pusat Pengajian Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusian, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kajian, Pemikiran dan falsafah Melayu Islam dan kajian budaya Melayu.